

SIARAN MEDIA

DASAR WANITA NEGARA PACU PEMERKASAAN WANITA

KUALA LUMPUR, 28 JULAI 2025 – YABHg. Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, hari ini telah merasmikan *Walkabout* Khas Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025–2030 yang berlangsung di Lobi Utama, Parlimen Malaysia. Majlis turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat II.

Objektif utama *Walkabout* Khas Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita 2025-2030 adalah untuk mengarusperdanakan peranan wanita dalam semua sektor secara menyeluruh dan inklusif. Ini selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membentuk dasar yang responsif terhadap keperluan rakyat, khususnya wanita sebagai tulang belakang keluarga dan negara.

Berdasarkan statistik Parlimen Malaysia yang terkini, peratus wanita sebagai ahli Dewan Rakyat adalah 13.5 peratus sahaja manakala ahli Dewan Negara pula adalah 16.1 peratus. *Walkabout* Dasar Wanita Negara yang dianjurkan ini diharapkan akan menyemarak momentum dasar pemerkasaan wanita oleh semua pihak khususnya ahli politik bagi memastikan pencapaian minimum sekurang-kurangnya 30 peratus perwakilan wanita di Parlimen menjadi realiti.

Dasar Wanita Negara yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 8 Mac lalu merupakan usaha reformasi menyeluruh kerajaan dalam memperkukuh peranan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa. Empat bidang keutamaan diketengahkan iaitu ekonomi, kepimpinan, keselamatan dan kesejahteraan dan pelaksanaannya disokong oleh 12 pemacu perubahan serta pemboleh daya strategik seperti bajet responsif dan audit gender.

Tema "Memartabat Wanita, Memperkukuh Negara", dipilih dengan tekad tiada golongan wanita yang ketinggalan secara holistik dan komprehensif. Melalui pengukuhan kedudukan wanita, bukan sahaja keadilan sosial akan dipertingkatkan tetapi negara berpotensi untuk terus berkembang pesat dan mencapai kesejahteraan yang lebih menyeluruh.

Turut hadir YBrs. Puan Hanani Sapit, Ketua Pengarah JPW dan pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi kementerian.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

28 JULAI 2025